

27/03/1997

Menanam sikap cinta alam sekitar

DALAM menggalakkan pembangunan mapan dan berpanjangan, kerajaan mewujudkan kaedah perundangan dan institusi yang meletakkan faktor alam sekitar sebagai syarat yang dipertimbangkan di peringkat awal perancangan projek. Dalam pengeluaran lesen perniagaan dan industri, keperluan dan penilaian alam sekitar adalah tahap kedua kelulusan selepas sesuatu perniagaan atau industri didaftarkan. Penilaian alam sekitar adalah satu teknik yang memastikan segala kemungkinan terhadap impak alam sekitar terhadap cadangan projek pembangunan difahami sepenuhnya dan diambil kira sebelum sesuatu pembangunan dibenar untuk teruskan. Penilaian Kualiti Alam Sekitar (EIA) diperlukan bagi aktiviti mengikut Kualiti Alam Sekitar (Aktiviti Berjadual) Peruntukan Penilaian Impak Alam Sekitar. Aktiviti yang tidak dirangkum di bawah keperluan mandatori EIA adalah juga dikenakan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 (EQA). Peraturan tersedia memerlukan kajian tapak projek, kawalan pencemaran, pengawasan dan penguatkuasaan.

Kita agak terkejut dan terharu kerana di sebalik syarat yang ketat dan penguatkuasaan yang dijalankan pihak berkuasa, masih ada pemaju yang ingkar dan tidak prihatin terhadap perlunya memulihara alam sekitar di tapak projek mereka. Pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor yang dilihat sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menaiki helikopter dari Taman Negara Selasa lalu sangat menyedihkan kita. Perdana Menteri yang menimbulkan kebimbangannya terhadap kegiatan itu dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyiasat tindak-tanduk pemaju terbabit yang menebang semua pokok dan meratakan bukitnya. Kita mengalu-alukan siasatan yang dijalankan dan mahu tindakan diambil terhadap pemaju yang menebang pokok sewenang-wenangnya mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa dan EQA.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, ada dua faktor pemuliharaan alam sekitar di tapak projek sukar dilaksanakan, iaitu pemaju ingkar terhadap peraturan berhubung alam sekitar dan agensi kerajaan pula yang menghadapi masalah kekurangan kakitangan untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di negara ini. Jika demikian, apakah langkah terbaik untuk mengatasi kedangkalan pemaju untuk memenuhi keperluan memulihara alam sekitar dan menangani masalah kekurangan kakitangan penguatkuasaan.

Garis panduan yang ditetapkan kepada pelabur atau pemaju dan perunding mereka mengenai objektif dasar alam sekitar negara amat jelas. Ia menekankan keperluan pemuliharaan alam sekitar dalam perancangan projek pembangunan dan industri. Selain itu, ia juga menyediakan maklumat mengenai keperluan perundangan dan menyatakan prosedur bagi mendapatkan kelulusan Jabatan Alam Sekitar yang menguatkuasakan EQA.

Wajarkah hukuman denda yang lebih berat dikenakan terhadap pemaju yang ingkar? Melalui hukuman yang berat, kita boleh membawa pemaju yang tidak mepedulikan peraturan EIA dan EQA ke muka pengadilan. Bagaimanapun, langkah ini tidak akan mengatasi kedangkalan pelabur dan pemaju kerana alam sekitar sudah dimusnahkan. Mungkin apa yang lebih wajar dalam soal ini ialah menanam sikap cintakan alam sekitar di kalangan pemaju dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Sudah sampai masanya sektor swasta yang mempunyai pelaburan dalam bidang pembinaan, pemaju dan kontraktor wajar merangka dasar dan strategi pemuliharaan alam sekitar dalam konteks pengurusan kualiti total (TQM). Sudah tiba masanya syarikat terbabit mempunyai jabatan pengurusan alam sekitar yang merangka dasar, amalan dan

strategi pemuliharaan alam sekitar. Apa yang lebih penting ialah pengawasan yang dijalankan oleh pemaju sendiri.

Di pihak kementerian, pembangunan pesat dirasakan memerlukan tambahan kakitangan profesional untuk mengawasi setiap tahap pelaksanaan sesuatu projek supaya tindak-tanduk pemaju yang tidak memenuhi keperluan alam sekitar dapat dikesan sebelum keadaan melarat. Semoga semua pihak menghayati Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada 1989 sempena Persidangan Ketua Negara Komanwel yang prihatin terhadap masalah kemusnahan alam sekitar dan ancaman terhadap masa depan generasi akan datang. Jika tindakan untuk menangani perkara ini dilengah-lengahkan, kemusnahan alam sekitar akan menjadi satu kemusnahan kekal yang tidak boleh dirawat lagi.

(END)